

7.1 KEELEKTRIKAN

Jenis dan sumber tenaga

1. Kenal pasti pelbagai bentuk tenaga

TENAGA KINETIK TENAGA HABA TENAGA ELEKTRIK TENAGA KIMIA
TENAGA CAHAYA TENAGA BUNYI TENAGA NUKLEAR
TENAGA KEUPAYAAN GRAVITI TENAGA KEUPAYAAN ELASTIK

- (a) Tersimpan dalam suatu objek disebabkan oleh kedudukan yang tinggi
- (b) Tersimpan dalam suatu objek yang dimampat, diregang atau dibengkokkan
- (c) Terdapat pada objek yang bergerak
- (d) Terhasil daripada cas-cas elektrik yang mengalir melalui konduktor
- (e) Meningkatkan suhu objek dan menyebabkannya berasa panas
- (f) Tersimpan dalam bahan yang boleh dibakar, makanan atau bahan kimia
- (g) Membolehkan kita melihat objek dalam keadaan gelap
- (h) Dihasilkan oleh objek yang bergetar
- (i) Tersimpan dalam nukleus atom radioaktif

2. Padankan dengan betul pelbagai sumber tenaga.

(a) Petroleum, gas asli dan arang batu	➡
(b) Menjana tenaga hidroelektrik	➡
(c) Menghasilkan tenaga haba dan cahaya	➡
(d) Haba daripada bahagian dalam Bumi	➡
(e) Udara bergerak menjana tenaga elektrik	➡
(f) Air laut bergerak menjana tenaga elektrik	➡
(g) Najis haiwan dan bahan tumbuhan	➡
(h) Menghasilkan tenaga nuklear	➡

➡	GEOTERMA
➡	BAHAN API FOSIL
➡	AIR
➡	MATAHARI
➡	OMBAK
➡	ANGIN
➡	BAHAN RADIOAKTIF
➡	BIOJISIM